

KENYATAAN AKHBAR

**UNTUK SIARAN SEGERA
29 SEPTEMBER 2017**

**PNB CATAT PENINGKATAN 8.8% PENDAPATAN BERSIH KEPADA RM10 BILION
NILAI PASARAN SYARIKAT-SYARIKAT STRATEGIK MELONJAK RM29.0 BILION**

- PNB mencatat prestasi pertumbuhan yang mampan dengan Aset di Bawah Pengurusan (AUM) dan Pendapatan Bersih pro forma yang disatukan masing-masing meningkat pada kadar tahunan 4.2% dan 8.8% kepada RM268.6 bilion dan RM10.05 bilion.
- Inisiatif Pelan Strategik PNB STRIVE-15 terus memberi impak berkesan, dengan transformasi Syarikat-syarikat Strategik PNB yang telah menghasilkan jumlah nilai pasaran syarikat meningkat sebanyak RM29.0 bilion, manakala beberapa usaha utama penyusunan korporat dijangka selesai pada pada 4Q17.
- PNB mengumumkan pengagihan pendapatan sebanyak 6.00 sen seunit untuk AS 1Malaysia yang melibatkan jumlah pengagihan sebanyak RM724.1 juta yang akan memberi manfaat kepada lebih daripada 390,000 pemegang akaun yang memiliki 12.0 bilion unit.

Permodalan Nasional Berhad (PNB) hari ini mengumumkan prestasinya bagi suku ketiga 2017 (3Q17) yang menunjukkan pertumbuhan berterusan, didorong oleh keadaan ekonomi dan pasaran yang lebih baik serta kemajuan berterusan dalam inisiatif STRIVE-15.

PRESTASI 2017 SETAKAT INI (YTD)

Pendapatan Bersih PNB mencatat kenaikan tinggi sebanyak 8.8% tahun ke tahun kepada RM10.05 bilion bagi tempoh berakhir 31 Ogos 2017, dengan Aset di Bawah Pengurusan (AUM) meningkat 4.2% tahun ke tahun kepada RM268.6 bilion. Daripada jumlah tersebut, RM228.0 bilion adalah dana unit amanah manakala baki RM40.6 bilion adalah dana proprietari Syarikat.

Anak syarikat milik penuh PNB, Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), kini mempunyai lebih daripada 13 juta pemegang akaun dengan unit dalam edaran mencecah hampir 217 bilion.

Ekonomi Malaysia berkembang pesat pada kadar 5.8% pada 2Q17 (terpantas sejak 1Q15) berbanding 5.6% pada 1Q17 dan 4.2% pada 1Q16. Pertumbuhan yang lebih tinggi daripada jangkaan ini telah menyokong pasaran ekuiti dan mata wang domestik. Walaupun pasaran modal yang mendatar pada suku ketika, FBM KLCI telah meningkat sebanyak 116 mata atau 7.1% setakat tahun ini dan ditutup pada 1,786 mata, manakala Ringgit meningkat sebanyak 6.0% kepada USD4.23 setakat 28 September 2017.

STRIVE-15 PNB

Tempoh ini juga menyaksikan PNB mencatat kemajuan ketara dalam Pelan Strategik STRIVE-15 2017-2022, yang mana teras utamanya berkaitan dengan inisiatif yang bertujuan untuk mengukuhkan pulangan mampan dengan meningkatkan prestasi ekuiti awam domestik, dan merasionalisasi serta meningkatkan pelaburan hartanah.

Paling memberansangkan adalah nilai pasaran agregat Syarikat-syarikat Strategik PNB yang kekal kukuh pada RM29.0 bilion setakat ini, yang mewakili peningkatan 19.4% manakala Pulangan Pemegang Saham (TSR) setakat ini dicatat pada 21.3%, iaitu hampir dua kali ganda FBM KLCI.

Proses pemisahan Sime Darby, yang bertujuan mewujudkan syarikat *pure play* menerusi penyenaian perniagaan perladangan dan hartanahnya, dijangka muktamad menjelang awal Disember. Usaha ini dikuti dengan cadangan pengambilalihan syarikat I&P Bhd oleh S P Setia untuk melahirkan syarikat hartanah terbesar di Malaysia turut dijangka disempurnakan menjelang akhir tahun.

Baru-baru ini, proses pemisahan juga dilaksanakan antara CCM Berhad dan CCM Duopharma untuk membentuk kumpulan yang lebih cekap dan fokus dan usaha permodalan semula UMW Oil & Gas dijadualkan selesai pada pertengahan Oktober.

Pertumbuhan pendapatan yang kukuh PNB setakat ini didorong oleh prestasi ekuiti awam yang lebih baik, manakala keuntungan daripada pelaburan ekuiti swasta dan hartanah dijangka dapat dicapai pada 4Q17.

Pengerusi Kumpulan PNB, Tan Sri Abdul Wahid Omar berkata, “Kami gembira dapat terus mengekalkan prestasi kukuh setakat ini dalam suasana pertumbuhan ekonomi Malaysia yang positif tetapi pasaran ekuiti yang hambar dalam suku ketiga. Kami juga gembira pelan transformasi Syarikat-syarikat Strategik PNB terus memberi impak berterusan dan tidak sabar menantikan pelaksanaan semua Inisiatif Strategi STRIVE-15 akan menghasilkan kejayaan.”

Dalam perkembangan lain, Tan Sri Abdul Wahid berkata PNB juga telah mencatat kemajuan dalam usaha meningkatkan kepatuhan Syariah. Beliau berkata PNB sentiasa berbincang bersama Mufti-mufti Negeri dengan matlamat untuk menerangkan Rangka

Kerja Syariah syarikat dan pada masa yang sama, berusaha memahami isu-isu yang dibangkitkan oleh para Mufti.

“Alhamdulillah, semua negeri kini telah memberikan fatwa ‘Harus’ terhadap pelaburan dalam unit-unit amanah ASNB, terkini daripada Pulau Pinang pada bulan lepas dan Selangor pada bulan April tahun ini. Dengan perkembangan positif ini, saya berharap masyarakat Islam akan terus meningkatkan pelaburan mereka dalam pelbagai dana unit amanah yang diuruskan oleh PNB,” tambah beliau.

Bagi meningkatkan pengalaman pelanggan, Tan Sri Abdul Wahid berkata PNB telah berjaya melaksanakan migrasi sistem IT ASNB pada Jun tahun ini kepada satu sistem tunggal untuk membolehkan pengurusan operasi dan transaksi akaun yang lebih cekap. Migrasi sistem ini juga membolehkan urus niaga tanpa buku pelaburan dan memudahkan urus niaga di kaunter dengan hanya menggunakan MyKad.

PENGAGIHAN PENDAPATAN AMANAH SAHAM 1MALAYSIA

PNB turut mengumumkan pengagihan pendapatan Amanah Saham 1Malaysia (AS 1Malaysia), dana unit amanah berharga tetap kelima ASNB, yang dilancarkan pada 5 Ogos 2009.

Pemegang akaun AS 1Malaysia akan menerima pengagihan pendapatan sebanyak 6.00 sen seunit, yang melibatkan jumlah pembayaran sebanyak RM724.10 juta yang akan memberi manfaat kepada lebih daripada 390,000 pemegang akaun yang kini memiliki 12.0 bilion unit.

AS 1Malaysia mencatat pendapatan bersih sebanyak RM600.47 juta, pertumbuhan sebanyak 16% daripada RM517.28 juta pada 2016, yang didorong oleh prestasi pasaran ekuiti domestik yang lebih kukuh, khususnya di kaunter Kewangan dan Perkhidmatan.

Tan Sri Wahid berkata, “Kami gembira kerana dapat mengekalkan kadar dividen AS 1Malaysia, dan prestasi kewangan dana yang lebih kukuh membolehkan membina rizab tambahan untuk menyokong agihan pendapatan pada masa hadapan.”

Pengiraan pengagihan pendapatan untuk AS 1Malaysia adalah berdasarkan purata baki minimum bulanan yang dipegang sepanjang tahun kewangannya. Pembayaran agihan pendapatan AS 1Malaysia akan dilaburkan semula sebagai unit tambahan dan akan dikreditkan secara automatik ke dalam akaun pemegang unit pada 1 Oktober 2017.

Sementara itu, pemegang unit yang melanggan AS 1Malaysia melalui Skim Pelaburan Ahli Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) akan memperoleh agihan pendapatan yang dikreditkan terus ke dalam akaun KWSP masing-masing.

Semua urus niaga untuk AS 1Malaysia di ibu pejabat, cawangan dan ejen ASNB telah ditangguh dari 27 hingga 30 September 2017 untuk memudahkan pengiraan pengagihan pendapatan. Pemegang unit boleh mengemas kini akaun mereka apabila urus niaga disambung semula pada 1 Oktober 2017 di mana-mana pejabat atau agen ASNB di

seluruh negara, atau melalui portal myASNB.com.my.

– TAMAT –

Profil Permodalan Nasional Berhad

Permodalan Nasional Berhad (PNB) merupakan salah satu syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia yang memiliki syarikat pengurusan unit amanah iaitu Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) dan Amanah Mutual Berhad (AMB). PNB telah berkembang pesat sejak penubuhannya, dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini mencapai lebih RM268 bilion, dari sekitar RM3.5 bilion pada tahun 1981. Dengan Pelan Strategik STRIVE-15 2017-2022 di bawah kepimpinan baharu, PNB kini sedang mengorak langkah ke hadapan untuk mengekalkan prestasinya untuk jangka masa lima tahun akan datang bagi mencapai wawasannya menjadi sebagai sebuah Firma Pelaburan Distinktif Bertaraf Dunia. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.pnb.com.my.

Profil Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) merupakan anak syarikat milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB). ASNB ditubuhkan pada 22 Mei 1978 untuk menguruskan Tabung-Tabung yang dilancarkan oleh PNB. Kini, ASNB memiliki 10 Tabung termasuk enam tabung harga tetap iaitu Amanah Saham Bumiputera (ASB), Amanah Saham Didik (ASD), Amanah Saham 1Malaysia (AS 1 Malaysia), dan Amanah Saham Bumiputera 2 (ASB 2). Empat tabung selebihnya merupakan tabung harga berubah yang dikenali sebagai Amanah Saham Nasional (ASN), Amanah Saham Nasional 2 (ASN 2), Amanah Saham Nasional 3 Imbang (ASN 3) dan Amanah Saham Gemilang (ASG). ASNB kini mempunyai 30 cawangan dan 2,235 ejen di seluruh negara. Sila rujuk laman web untuk maklumat lanjut di www.asnb.com.my.

DIKELUARKAN OLEH PERMODALAN NASIONAL BERHAD

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

1. *Aimi Aziz*, Naib Presiden, Jabatan Komunikasi, aimiaziz@pnb.com.my, 019-221 7007
2. *Abdul Halim Jusoh*, abdulhalim@pnb.com.my, 019-650 2730